7.	Tajuk : Surat Kastam Kepada Agen-Agen Penghantaran Untuk Mendapatkan Penjelasan Usul : FMFF Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Surat Kastam kepada agen-agen penghantaran untuk mendapatkan penjelasan / pengesahan terima masuk di stesen penerima setelah perlepasan / pemindahan melebihi sebulan hingga setahun lamanya. Tindakan tegas akan diambil sekiranya gagal berbuat demikian dan tempoh tertentu diberikan selama 7 hari dan ada juga 14 hari. Isu ini telah berlarutan beberapa tahun yang lepas sehingga ke hari ini. KDRM tidak memberi respons terhadap status 'terima masuk' kerana ianya memakan kos (Borang K8). Pihak KDRM diminta supaya mengaktifkan semula status tersebut di dalam SMK. Cadangan FMFF (<i>Recommendation</i>) : <u>Rasional</u> Secara rasionalnya dalam sesuatu tempoh yang agak lama sukar untuk mendapatkan dokumen-dokumen dengan segera atau tempoh yang dihadkan. Butir-butir barangan dagangan yang diberi gagal membantu untuk mempercepatkan pencarian dokumen tersebut. Dalam isu ini pihak agen penghantaran dapat menjelaskan dan membuktikan pengesahan terima masuk barangan dagangan pada hari dan di stesen penerima tersebut. <u>Cadangan</u> Pihak kastam diminta rujuk kepada DNT sekiranya sistem SMK

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
		dapat membantu menangani isu dengan lebih teratur dan memudahkan semua pihak. Pihak agen akan dapat maklumbalas dengan segera dari sistem SMK sekiranya perlepasan / permindahan belum disahkan terima masuk ('Temporary Release') di stesen penerima. Jawapan dari KDRM : Surat peringatan dikeluarkan kepada stesen penerima / agen dalam tempoh 14 hari selepas tarikh pelepasan (temporary release) setelah disemak melalui sistem SMK. Peringatan kedua dikeluarkan kepada stesen penerima / agen dalam tempoh 7 hari berikutnya. Surat tuntutan duti / cukai dikeluarkan kepada pengimport / agen sekiranya tiada maklumbalas daripada pihak stesen. Jawapan Terkini dari KDRM : Pihak Kastam akan mengambil perhatian terhadap isu ini dan akan mengambil tindakan untuk mengaktifkan semula status 'terima masuk'. Kerajaan akan menanggung segala kos yang terlibat. Berkuatkuasa : 1.1.2009. <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
8.	Tajuk : Proses Permohonan Perlantikan Agen Usul : FMFF Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Proses permohonan perlantikan agen mengambil masa tiga (3) hari di Pulau Pinang walhal di Pelabuhan Klang selama satu (1) hari bekerja saja. Proses permohonan di KLIA mengambil masa selama 1 jam sahaja manakala di Pulau Pinang pula selama tiga hari. Cadangan FMFF (<i>Recommendation</i>) : <u>Rasional</u> Sekiranya proses permohonan di Pel. Klang mengambil masa satu hari bekerja saja, maka tidak ada sebab di Pulau Pinang tidak boleh. <u>Cadangan</u> Pihak kastam diminta menyeragamkan proses permohonan satu (1) hari bekerja ke seluruh negeri termasuk Malaysia Timur. Jawapan dari KDRM : Proses permohonan perlantikan agen hanya mengambil masa satu (1) hari bekerja di Pulau Pinang . Borang permohonan yang diterima pada lewat petang yang tidak sempat diproses akan diproses pada waktu pagi hari keesokannya. Permohonan penambahan agen / agen melebihi 3 / dokumen tidak lengkap akan diproses mengikut merit kes masing-masing.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
		Jawapan Terkini dari KDRM : Pihak Kastam akan mengeluarkan surat supaya menyeragamkan proses permohonan. Alasan yang diberikan oleh pihak stesen bagi kelewatan yang berlaku adalah kerana pihak swasta lambat menghantar dokumen. Pada kebiasaannya kelulusan diberi dalam masa satu (1) hari. <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
9.	Tajuk : Deklarasi Berkualiti Usul : FMFF Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Perkara tersebut hampir berlaku di semua stesen operasi Kastam yang terlibat. Ini mengakibatkan berbagai implikasi dari segi pungutan hasil, perangkaan serta kegagalan untuk mendapatkan pulangan balik duti jika berlaku. Cadangan FMFF (<i>Recommendation</i>) : Dicadangkan agar satu kempen bersepadu dilaksanakan di antara pihak Persatuan Pegawai Kastam, FMFF (ahli-ahli FMFF) serta FMM untuk mengadakan 'Workshop' di seluruh negara dengan dimestikan setiap pekerja yang terlibat dengan deklarasi dagangan import, eksport serta pemindahan, GBA, LMW serta CJ menghadiri kursus intensif tersebut. KDRM harus mengadakan <i>workshop</i> untuk mengajar para pegawai cara-cara mengendalikan deklarasi berkualiti. Jawapan dari KDRM : KDRM tidak ada halangan atas cadangan tersebut. 1. Deklarasi berkualiti ke atas ikrar K1 dan juga dalam sistem SMK secara parallel telah pun diberikan beberapa siri taklimat pada agen. 2. Deklarasi berkualiti juga telah dimasukkan di dalam modul kursus Asas Agen Kastam (KAAK). 3. Seminar Perkastaman anjuran Persatuan Pegawai Kanan Kastam yang diadakan pada 20 Nov 2008 turut juga memasukkan di dalam modul deklarasi berkualiti. 4. Jabatan Kastam telahpun mengedarkan satu buku panduan 'DEKLARASI BERKUALITI' kepada semua pihak. <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
10.	Tajuk : Penglibatan Pihak Persatuan Sebelum Sesuatu Implementasi Oleh KDRM Usul : FMFF Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Perkara tersebut telah acapkali diutarakan oleh pihak persatuan namun secara puratanya pihak persatuan tidak terlibat dengan sesuatu implementasi yang khasnya melibatkan sistem SMK. Cadangan FMFF (<i>Recommendation</i>) : Pihak FMFF mencadangkan agar sebelum sesuatu pertukaran atau mengimplemen sistem yang baru, pihak KDRM diperingkat Ibu Pejabat, stesen operasi serta pihak yang terlibat membincangkan secara mendalam khasnya dari segi pelaksanaan operasi di stesen yang terlibat. Dengan pendekatan tersebut tidak berlaku pencanggahan serta ketidaksesuaian apabila diimplemen. Jawapan dari KDRM : Cadangan ini adalah dipersetujui. Jawapan Terkini dari KDRM : Usul diterima untuk diteliti.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
11.	Tajuk : Pemeriksaan Kastam Bagi Semua Shipment Eksport (Kontena Kosong) Usul : CRSA Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : CRSA bagi pihak syarikat-syarikat perkapalan di Pelabuhan Klang mencadangkan agar semua 'shipment eksport' bagi kontena kosong dari Pelabuhan Klang, pemeriksaan Kastam dijalankan di pintu masuk (gate) pelabuhan, ketika kontena masuk, bukan di Examination Bay selepas kontena masuk ke dalam pelabuhan. Cadangan CRSA (Recommendation) : Cadangan ini selari dengan izin Kastam (sekarang) untuk membenarkan pemeriksaan Kastam dijalankan di pintu keluar (gate) pelabuhan bagi semua 'shipment import' kontena kosong ke Pelabuhan Klang. Jawapan dari KDRM : Pemeriksaan kontena kosong di Pintu Masuk hanya boleh dilaksanakan sekiranya K2 telah diikrar dan arahan pemeriksaan dikeluarkan sebelum ketibaan kontena di Pintu Masuk. Agen penghantaran pula perlu memainkan peranan memaklumkan kepada syarikat haulier untuk berhenti di Pintu Masuk untuk tujuan pemeriksaan. Peraturan kontena kosong eksport adalah sedikit dan pemeriksaan sekiranya perlu hanya melibatkan 10% daripada setiap konsaimen. Jawapan Terkini dari KDRM : Boleh dilaksanakan dengan syarat kontena dibiarkan terbuka untuk membolehkan Pegawai Kastam melihat kandungan kontena (sama ada kosong atau tidak). Pihak Kastam akan mengeluarkan

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
		surat arahan ke semua negeri supaya melakukan pemeriksaan di <i>gate</i>. Pihak swasta disarankan supaya memberi maklumbalas di Mesyuarat Panel Perundingan yang akan datang. <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
12.	Tajuk : CEPT Rates for Intermediary Products sold by LMWs Usul : FMM Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Licensed Manufacturing Warehouses (LMWs) that sell finished products to local companies are permitted to apply for ASEAN CEPT import duty rates of between 0 – 5 % for their local sales. LMWs are not entitled to this facility if non-finished products i.e. scrap and intermediary products are sold to local companies. Cadangan FMM (Recommendation) : Malaysian companies that import intermediary products / non-finished products from ASEAN countries are entitled to ASEAN CEPT rates of duty. To enable fairer competition, FMM is of the view that intermediary products & non-finished products sold to the local market by LMW companies should benefit from CEPT rates similar to that of imported products from ASEAN. Jawapan dari KDRM : Barangan Perantaraan Pengilang PCA (syarikat pembeli) hendaklah membuat permohonan ke MIDA memohon pengecualian duti import ke atas bahan mentah/komponen, mesin dan peralatan yang hendak dibeli daripada syarikat LMW/FIZ. Surat pengesahan ini perlu disertakan bersama semasa membuat bayaran duti kepada Jabatan Kastam. Jawapan Terkini dari KDRM : ‘Scrap’ harus mendapat kelulusan (AP) dari MOF. Pihak Kastam akan mengkaji cadangan ini.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
13.	Tajuk : Extend Drawback Section 93 to Include Repacking Activities. Usul : FMM Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Section 93 of the Customs Act 1967 permits import duty drawback on inputs and finished products used in the manufacture or packaging of the goods for exports. However drawback is not permitted if the goods are imported in bulk packing and then repacked into various packaging based on customer specification for re-export. Companies are required to obtain import duty and sales tax exemption from the Ministry of Finance. The exemption process is tedious and time consuming and would add to the costs of doing business. For instance, a stationary manufacturer that manufactures pens and markers often complements its product range by importing other relevant products (pencils, correction pen, sharpener and new model pens). These imported products which are dutiable are then repacked with the locally produced products according to the required products Imported in bulk but exported in pieces. Cadangan FMM (Recommendation) : The drawback facility should be extended to include repacking activities which would enable companies to pay duty upfront for the goods imported in bulk and claim from drawback upon exportation. To assist Customs to extend this facility to eligible exporters, the

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
		Customs Export Declaration – K 2 should clearly specify contents of product exported. Jawapan dari KDRM : Drawback for repacking and kitting should be considered under Section 99 instead of Section 93. Goods imported in bulk packing and then repacked, which means it does not involved any manufacturing processes are advised to carry out such activities in the Free Zone or bonded warehouse. Section 93 can be applied where drawback is given upon goods imported and the <u>same goods</u> are exported without being involved in any manufacturing processes. Jawapan Terkini dari KDRM : Pihak Kastam akan mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
14.	Tajuk : Penggunaan Serta Kekurangan Komputer Oleh Stesen Operasi Kastam Usul : FMFF Tindakan : 1. Cawangan Teknologi Maklumat 2. PSMK	Isu : Dengan adanya sistem SMK di semua stesen yang unggul didapati perkakas komputer yang dibekalkan di stesen operasi Kastam tersebut telah uzur serta tidak mencukupi. Oleh yang demikian, ianya menyebabkan kelewatan tindakbalas ke pihak klien dan ini mengakibatkan kelewatan pelepasan dagangan. Fenomena ini hampir berlaku di semua stesen Kastam yang unggul seperti Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Johor serta di Malaysia Timur. Pada setiap perbincangan ataupun mesyuarat yang diadakan di stesen-stesen yang terlibat, kerap kali kami diberitahu mengenai keadaan tersebut dan jawapan yang diberi adalah tidak ada bajet untuk membeli perkakas yang baru serta terkini. Di dalam era komputer penggunaan perkakas terkini amatlah mustahak untuk mencapai kepantasan pelepasan dagangan khasnya di stesen yang mempunyai banyak transaksi. Cadangan FMFF (Recommendation) : Dicadangkan agar pihak stesen operasi Kastam yang terlibat memberikan jumlah perkakas baru yang diperlukan bersesuaian dengan jumlah transaksi yang terlibat agar dapat dipanjangkan perkara tersebut ke pihak yang dapat membuat keputusan seperti EPU, PEMUDAH serta Yang Berhormat Menteri Kewangan.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
		Jawapan dari KDRM : <u>Jawapan Dari CTM :-</u> Proses perolehan perkakasan baru ICT perlu melalui beberapa peringkat dan oleh itu proses akan mengambil masa yang panjang. Untuk makluman, sejumlah 1414 unit PC telah diluluskan perolehan oleh pihak Perbendaharaan dan dalam proses untuk agihan ke seluruh negara. Walaubagaimanapun, bilangan tersebut masih tidak mencukupi dan PC tambahan dicadangkan untuk diperolehi pada tahun hadapan. Seperti biasa, proses perolehan perlu melalui prosedur ditetapkan. <u>Jawapan Dari PSMK :-</u> Pihak Jabatan telah membuat pembelian unit-unit baru PC pada akhir tahun 2008 ini dan merancang untuk membuat pembelian tambahan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2009 dan 2010. <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
15.	Tajuk : Confusion On Service Tax Usul : MACS Tindakan : Bahagian Cukai Dalaman	Isu : With the abolition of threshold for service tax on professional, consultancy and management services since the beginning of the year, there appears to be a confusion of whether service tax should be charged or not by the following ‘person’ providing a taxable service. <i>e.g. A retired company secretary provides secretarial and clerical services for only one or two companies (on part time basis) and he charges a retainer fee for acting as the company secretary and a fee for providing clerical assistance on an ad-hoc basis to the company. He does not register his business and does not have a business address to operate.</i> Under the above situation, our members have been advised by Customs Officers that the ‘person’ is not required to be licensed by Royal Customs of Malaysia as a service provider and thus not required to collect the required service tax. We wish to seek your clarification on the correctness of the advice as to our understanding the ‘person’ includes an individual, a firm, an association of persons, a company and every other juridical person. Cadangan MACS (Recommendation) : - Sekiranya individu tersebut tidak berdaftar sebagai ahli peniaga, KDRM WPKL mendakwa bahawa beliau tidak layak untuk memohon lesen.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
		Jawapan dari KDRM : Ya. Takrif 'person' di bawah Sek.2 Akta CP 1975 termasuk orang perseorangan sesuatu firma, samada perhubungan sesuatu syarikat dan mana-mana orang lain disisi undang-undang. Dibawah sek.7 Akta CP “ shall be charged on and paid by any taxable person who carries on business of providing taxable service” Jawapan Terkini dari KDRM : Pegawai yang memberi nasihat mungkin keliru. Menurut Seksyen 2 & 7, kena bayar. Pihak Kastam akan mengeluarkan surat ke stesen-stesen untuk memberi penerangan yang betul. <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
16.	Tajuk : Procedures in Carrying Out Inspections / Raids. Usul : FMM Tindakan : Bahagian Pencegahan	Isu : Section 9 of the Customs Act 1967 permits Customs Officers to conduct inspections / raids in plain clothes and only badges or authority cards will be shown to gain access into company premises. Cadangan FMM (Recommendation) : To avoid possible abuse of the authority card and ensure that the inspections / raids are carried out in a legal manner, FMM request that Customs Officers produce an official letter of authorization to conduct the raid. The letter should also indicate the purpose of the raid. Jawapan dari KDRM : Permohonan FMM untuk meminta pemeriksaan / serbuan yang dijalankan oleh pihak KDRM disertakan bersama surat kuasa serta dinyatakan tujuan pemeriksaan / serbuan dijalankan tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak terdapat di dalam mana-mana seksyen dalam Akta Kastam 1967 yang mewajibkan perkara ini dilakukan. Bagi mengelakan pertindihan, koordinasi perlu ada <u>Untuk Makluman</u>

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
17.	Tajuk : Banker's Guarantee imposing 3 times against the face value of cheque issued for payments of duties. Usul : ACCCIM Tindakan : Bahagian Perkhidmatan Teknik (Cawangan Perakaunan Hasil)	Isu : - Cadangan ACCCIM (Recommendation) : To seek the Customs to consider accepting Banker's Guarantee (B/G) for payment of equivalent duties instead of imposing 3 times against the value of cheque issued Jawapan dari KDRM : Mengikut Perintah Tetap Kewangan Bil.4 para 6.3.1 "Bagi Cek tempatan, Jaminan Bank hendaklah meliputi jumlah bersamaan 3 kali amaun yang dinyatakan dalam cek dan tempoh liputan hendaklah tidak kurang dari 3 hari ... manakala para 6.3.2 "Bagi cek luar (<i>outstation cheque</i>) Jaminan Bank hendaklah meliputi jumlah bersamaan 6 kali amaun yang dinyatakan dalam cek dan tempoh liputan hendaklah kurang dari 6 hari...." Oleh kerana Bank Negara telahpun memperkenalkan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (<i>Cheque Truncation and Conversion System CTCS</i>) baru-baru ini, maka pihak Jabatan akan mendapat pandangan dari Association of Banks in Malaysia (ABM) serta membuat kajian terlebih dahulu sebelum melakukan apa-apa pindaan pada Perintah tersebut.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
18.	Tajuk : Customs Verification Initiative (CVI) Usul : FMFF Tindakan : Bahagian Perkhidmatan Teknik	Isu : Apakah keberkesanan Customs Verification Initiative (CVI) sejak ditubuhkan? Sudikah pihak Kastam berkongsi maklumat dengan pencapaiannya setakat ini mengikut negeri (success factor and focus point for Customs purposes) Cadangan FMFF (<i>Recommendation</i>) : - Jawapan dari KDRM : CVI adalah projek pengurusan risiko KDRM dan fungsi utama adalah untuk :- i). Membuat verifikasi ke atas semua borang ikrar bagi memastikan duti / cukai dibayar dengan betul; ii). Mengenalpasti petunjuk risiko, membuat analisa risiko dan membuat penarafan risiko; iii). Memastikan semua pedagang mematuhi perundangan KDRM <u>Keberkesanan</u> i). Peningkatan duti / cukai sejak projek ini dilaksanakan; ii). Menyalurkan maklumat secara elektronik kepada pegawai penaksir dengan cara memberi “Tag Label” (penarafan risiko Tinggi : Sederhana : Rendah) sebaik sahaja pendaftaran Borang Cusdec iii). Penilaian dagangan yang lebih <i>effective</i> di kalangan pegawai penaksir dengan adanya penyaluran maklumat terkini secara elektronik.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
19.	Tajuk : 24-Hours Common Mobile Hand-phone Usul : AFAM Tindakan : 1. PSMK (Kewangan) 2. Bhg. Pencegahan	Isu : There have been numerous occasions when office telephone lines are not answered especially after midnight. This then affects the clearance of goods at the various stations. Some Senior Customs Officers are also reluctant to offer their mobile numbers as it may be their own private numbers. There are also instances when Senior Royal Malaysian Customs Officers are transferred to different stations and as such contacting them via their mobile numbers becomes cumbersome. Cadangan AFAM (Recommendation) : Royal Malaysian Customs should introduce a central Hotline mobile number at each station. This will then allow a central point of contact and would not affect the operations even if there is a transfer of personnel. Jawapan dari KDRM :

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
20.	Tajuk : Service Level Agreements Usul : AFAM Tindakan : Bahagian Korporat	Isu : There has not been any consistency in the service levels at various entry points. This of course could be due to the fact that there are some peculiarities at different stations. There should however be a published service level agreement at each station clearly spelling out exactly the expected service levels for the guide of the forwarding agents. Cadangan AFAM (<i>Recommendation</i>) : A service level agreement needs to be drawn up and published at each RMC station. RMC should as far as possible try to standardize these service level agreements so that there are consistency at all stations. This would then ease the operations of the forwarding agents even if their staff are transferred from one station to the other. Jawapan dari KDRM : Bahagian Korporat akan buat kajian

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
21.	Tajuk : Correspondence Usul : AFAM Tindakan : UPA	Isu : We have had many of our correspondences not replied to officially. Non reply of correspondences only leaves the issues unresolved and affects the industry. We then have to resort to escalate these issues to the next highest authority which is only affecting productivity and delays in resolving the issues. Cadangan AFAM (<i>Recommendation</i>) : An official guideline must be issued by the Royal Malaysian Customs Headquarters on the maximum time allowed for reply of correspondences. Action should also be taken for non compliance of this guideline. Jawapan dari KDRM : UPA has several modes for the public to channel their complaints regarding the Department such as e-mail, telephone (hotline), letters and fax. All complaints would be treated with strict confidence and the public are encouraged to voice their grudges to UPA. Listed below are contact details of UPA :- e-mail : <u>kastam@customs.gov.my</u> Telephone : 03-88822414 / 413 / 412 Fax : 03-88895884 (Hotline : 1-800-88-8855) Write-in : Unit Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Aras 7 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan, No.3, Persiaran Perdana, Presint 2, 62596 Putrajaya.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
22.	Tajuk : Import Of General Cargo Not Meeting Specifications Usul : AFAM Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : There are instances when some general cargo shipments imported do not meet the required specifications and standards as required by the various government agencies. These are then detained by the Royal Malaysian Customs. The importers then suffer losses as these goods are not allowed to be returned to origin for claims or replacement. The importers should not be held to ransom as they are not aware that their exporters shipped goods which do not conform by the standards set out by the Malaysian authorities although their instructions were for compliance Cadangan AFAM (Recommendation) : All general cargo which does not meet the required specifications and standard spelled out by the Malaysian government agencies must be allowed to be returned to origin so that the importers do not incur financial losses and they can then seek replacement goods. Jawapan Terkini dari KDRM : Garis panduan akan dikeluarkan.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
23.	Tajuk : Public Bonded Warehouses Usul : AFAM Tindakan : Bahagian Kastam (LMW)	Isu : RMC has changed the criteria for the approval of Public Bonded Warehouse Licenses. They are now imposing criteria's as follows for Critical Items: 1. Value of goods stored in 1 year to be of a minimum value of RM 3.5 million. 2. Bank guarantee of 10% of the total tax involved over a period of 1 year. This new requirement for value of goods over a period of 1 year is unrealistic and has got no business relevance. The need for bank guarantee of 10% of the total tax is also unjustified as it only ties up the companies cash reserves and would affect their cash flow. There are also minimum size criteria's which have now been included which defeats the purpose in these difficult economic times. Cadangan AFAM (Recommendation) : These new criteria should be removed from the requirements for the issuance of Public Bonded Warehouse License. In addition, the associations and the industry must be consulted prior to any policy changes. Jawapan Terkini dari KDRM : Perkara ini akan diambil perhatian.

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
24.	Tajuk : Forwarding Agents Main License Usul : AFAM Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : The Royal Malaysian Customs Station Port Klang have imposed strict instructions that only Forwarding Agents who have physical offices in Port Klang can be issued with Forwarding Agents License. Forwarding Agents who have their Forwarding Agents main license issued by Wilayah are not allowed to extend their license to cover Port Klang operations. There is however no restrictions for Forwarding Agents who have their Forwarding Agents main license issued by Port Klang to have physical presence in KLIA. Cadangan AFAM (<i>Recommendation</i>) : Forwarding Agents who have their main license in Wilayah should be allowed to extend their license to cover Port Klang operations. Jawapan dari KDRM : Perkara ini akan dilihat

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
25.	Tajuk : Forwarding Agents License Usul : AFAM Tindakan : CTM	Isu : There are Forwarding Agents who have yet to install the EDI system although it is a prerequisite in their day to day operations. This type of operations should not be allowed to continue as it seems that they are only lending their license to others. Cadangan AFAM (Recommendation) : A new criterion should be added to the requirements for the issuance of Forwarding Agents License where it is to be made mandatory that these Forwarding Agents install the EDI systems within 6 months of issuance of the license. Jawapan dari KDRM :

NO.	PERKARA	ISU / KEDUDUKAN / TINDAKAN
26.	Tajuk : Standardise Procedures for Re-importation of Goods that Can Be Reused Usul : FMM Tindakan : Bahagian Kastam	Isu : Plastic and steel pallets, drums, protective pads, spools, bobbins, polyurethane foams, paper or plastic layer pads, metal or plastic racks, are used by manufacturers as part of the packaging to avoid finished goods from being damages during exports. In order to reduce costs, manufacturers often re-import these packaging materials to be reused for future exports. Cadangan FMM (Recommendation) : Goods manufactured and exported by Malaysian companies should not be imposed with sales tax and import duty when the goods are brought back into Malaysia, reused and then exported. There are currently provisions in the Customs Laws i.e. Section 51, 52, 58 and 68 of Customs Duties Order (Exemption) 2008 and Section 51, 54, 55, 74 and 75 of the Sales Tax (Exemption) Order 1980 that provides for recycle products to be brought into Malaysia free of import duty and sales tax. However exemption of the duty and sales tax is based on the discretion of Customs officers at the point of importation. FMM suggest that the Customs Department develop clear guidelines on the procedures to bring in goods which will be reused and further exported. Jawapan Terkini dari KDRM : Usul ini diterima dan akan dikaji.

AGENDA 6

UCAPAN PENUTUP PENGKERUSI BERSAMA

Thank you Dato'. I'm sure most of our member are happy that a lot of issues were resolved. I hope in due time the dragged issues can be settled immediately. Thank You Dato'.

AGENDA 7

UCAPAN PENUTUP PENGKERUSI

Saya ucapkan terima kasih kepada Dato–Dato, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah- Pengarah, Timbalan Pengarah dan juga Pihak Swasta. Harapan saya adalah supaya pegawai-pegawai Kastam dapat mengambil tindakan susulan ke atas isu-isu yang dibangkitkan. Saya berharap dalam mesyuarat yang akan datang isu-isu yang masih belum selesai dapat diselesaikan. Insya Allah pihak urus setia akan memanjangkan minit kepada Pihak Swasta secepat mungkin. Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat Panel-Perundingan Kastam Swasta Bil 2/2008.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Penangguhan : Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.25 petang.

Mesyuarat Akan Datang : Akan dianjurkan oleh KDRM.
Tarikh dan Tempat akan ditentukan kemudian.

Disediakan oleh : Disemak oleh :

.....
(HAMZAH BIN AHAMAD)

Setiausaha,
Mesyuarat Panel Perundingan
Kastam-Swasta,
2/2008.

Tarikh : Januari 2009

.....
(DATO' HJ. IBRAHIM BIN Hj. JAAPAR)

Pengerusi,
Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta,
2/2008.

Tarikh: Januari 2009

MAKLUMBALAS OGA MENGENAI KEPERLUAN LESEN IMPORT BAGI PENGIMPORAN SEMULA (REJECTED GOODS)

No.	OGA	Maklumbalas	Catatan
1.	Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia (MTIB)	Masih perlu permit walaupun pengimportan semula	Tiga jenis kayu iaitu kayu balak, Large scantling and squares (LSS) dan Baulks sahaja yang tertakluk kepada lesen import.
2.	Jabatan Perkhidmatan Veteriner	Pengimportan semula masih perlu mendapat permit Sanitary & Phyto sanitary (SPS)	Isu-kesihatan orang awam
3.	Jabatan Kuarantin	Permit masih diperlukan untuk pengimportan semula	Isu-kesihatan orang awam.
4.	FAMA	Permit masih diperlukan untuk pengimportan semula	Isu-kesihatan orang awam.
5.	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	Lesen import semula hanya bagi barangan buangan terjadual sahaja	Isu-keselamatan orang awam.
6.	Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan	Tiada permit dikeluarkan hanya kelulusan semasa pengimport semula	Isu-kesihatan orang awam
7.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	Permit masih diperlukan untuk pengimportan semula	Isu-kesihatan orang awam, lesen boleh dikeluarkan dalam tempoh satu minggu.
8.	MITI	Bersetuju tidak dikenakan permit untuk pengimportan semula	